

**Pusat Penamaan Calon Pilihan Raya Kecil Kuala Besut Dibuka  
Bernama  
12 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 12 Julai (Bernama) -- Pusat penamaan calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut di Kompleks Rakan Muda, Kampung Raja di sini mula dibuka 9 pagi Jumaat.

Proses penyerahan kertas penamaan calon akan ditutup sejam selepas itu.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar daripada Barisan Nasional (BN) pada 26 Jun lepas akibat kanser paru-paru.

DUN Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi berdaftar, terdiri daripada 16,534 pemilih biasa, 1,134 anggota tentera dan pasangan, 14 polis dan seorang pengundi tidak hadir luar negara.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 24 Julai ini sebagai hari pengundian dan 20 Julai sebagai tarikh pengundian awal.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962711>